

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dapatkan kajian dianalisa dan disusun berdasarkan pembahagian di bawah:

1. Masalah yang dihadapi oleh pelajar
2. Perbandingan masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan
3. Perbandingan masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan tiga dan pelajar tingkatan lima.

4.1 Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar

Jadual 1 : Min Bilangan Item Yang Ditanda Oleh Pelajar Dalam Setiap Bidang Dan Purata Peratus Pelajar Yang Menanda Item Dalam Setiap Bidang

Bidang Masalah	Min Bilangan Item Dalam Setiap Bidang Yang Ditanda Oleh Setiap Pelajar	Purata Peratus Pelajar Yang Menanda Item Dalam Setiap Bidang
Kerjaya	7.25	48.2
Pelajaran Dan Sekolah	6.10	40.5
Sosial, Moral Dan Rakan Sebaya	4.80	31.9
Keluarga	3.01	19.9
Kewangan	2.10	14.3
Kesihatan Dan Perkembangan Fizikal	1.60	10.3

Tujuan utama penganalisaan bagi keenam-enam bidang masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah bagi mengenalpasti masalah utama (masalah yang paling banyak dihadapi) oleh pelajar di sebuah sekolah swasta. Dari respons yang ditanda oleh 120 orang pelajar, min bilangan item yang ditanda oleh setiap pelajar dan purata peratus pelajar yang menanda item dalam setiap bidang masalah adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan bahawa pelajar paling banyak menanda item-item dalam bidang kerjaya ,menjadikannya bidang masalah yang paling utama. Purata peratus pelajar yang menanda item-item dalam bidang ini ialah 48.2 peratus. Bidang pelajaran dan sekolah pula menjadi bidang masalah yang kedua penting yang dihadapi oleh pelajar di mana purata peratus pelajar yang menanda item-item dalam bidang ini ialah 40.5 peratus. Masalah di bidang sosial, moral dan rakan sebaya pula menduduki tempat ketiga dengan purata peratus pelajar yang menanda item-item dalam bidang ini ialah sebanyak 31.9 peratus. Seterusnya masalah ini diikuti pula oleh masalah keluarga yang secara purata ditanda oleh 19.9 peratus pelajar. Ini disusuli pula oleh masalah dalam bidang kewangan yang secara puratanya dikenalpasti oleh 14.3 peratus pelajar sebagai masalah mereka. Akhirnya item-item dalam bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal paling kurang ditanda oleh pelajar, di mana secara purata hanya 10.3 peratus pelajar sahaja yang mengenalpasti item-item dalam bidang ini sebagai masalah mereka.

Merujuk kepada purata peratus pelajar yang menanda item-item dalam setiap bidang masalah, dapatlah dirumuskan bahawa masalah yang paling banyak dihadapi oleh pelajar

sekolah swasta mengikut urutan kepentingan ialah masalah di bidang kerjaya, diikuti pula oleh masalah di bidang pelajaran dan sekolah, masalah sosial, moral dan rakan sebaya, masalah keluarga, masalah kewangan dan masalah di bidang kesihatan dan perkembangan fizikal.

4.1.1 Analisis Terperinci Item Dalam Setiap Bidang Masalah

Untuk memperolehi maklumat terperinci mengenai masalah khusus yang dihadapi oleh pelajar dalam setiap bidang, analisis terhadap setiap item dalam soal selidik dibuat. Melalui analisis ini, masalah utama berjaya dikenal pasti. Sesuatu item dalam sesuatu bidang dianggap menjadi masalah penting jika iaanya ditanda oleh lebih daripada 50 peratus daripada jumlah pelajar.

4.1.1.1 Masalah Kerjaya

Dari 90 item di dalam soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar, 15 item terdiri daripada bidang masalah kerjaya. Item-item tersebut meliputi masalah berkaitan kekurangan pengetahuan mengenai kerjaya, masalah pemilihan kerjaya dan jangkaan kerjaya.

Jadual 2 menunjukkan senarai masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam bidang kerjaya, berdasarkan peratus pelajar yang menandanya dalam soal selidik .

Jadual 2 : Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Bidang Kerjaya

No Item	Masalah	Peratus Pelajar Yang Menanda
64	Memerlukan pengetahuan yang lebih mendalam terhadap pelbagai perkerjaan	93.3
71	Ingin mengikuti latihan-latihan atau kursus-kursus tertentu	87.5
70	Ingin mengetahui maklumat kerjaya dalam bidang-bidang tertentu	78.3
65	Tidak tahu merancang kerjaya masa depan	77.5
74	Ingin belajar mengenai pelajaran tertentu dari awal sebagai persediaan kerjaya di masa hadapan, tetapi mata pelajaran tersebut tidak ada.	70.8
68	Ragu -ragu sama ada boleh mendapat pekerjaan pilihan saya	65.8
69	Ragu-ragu sama ada saya berkebolehan menjalankan kerja dengan baik	65.8
66	Tidak tahu kerjaya yang sesuai dengan diri saya	57.3
63	Risau kerana tidak mempunyai cita-cita untuk masa depan	42.5
61	Perlu mengetahui tentang maktab / universiti	28.3
62	Takut kalau tidak diterima masuk ke maktab / universiti	20.8
67	Tiada sebarang pengalaman kerja	12.5
72	Keluarga menentang beberapa rancangan kerjaya masa depan saya	12.5
75	Takutkan masa depan	5.6
73	Takut menganggur selepas tamat pengajian	5.0
Purata Peratus Pelajar Yang Menanda Item		48.2

Pada keseluruhannya kerjaya adalah bidang di mana pelajar banyak menghadapi masalah. Secara purata sebanyak 48.2 peratus pelajar menanda item-item dalam bidang ini sebagai masalah paling utama. Jadual 2 menunjukkan dengan jelas bilangan peratus pelajar yang menanda item-item dalam bidang kerjaya. Majoriti pelajar telah menandakan item 64 iaitu ‘memerlukan pengetahuan yang lebih mendalam terhadap pelbagai pekerjaan’. Sebanyak 93.3 peratus dari jumlah pelajar telah menandakan item ini. Peratusan besar iaitu 87.5 peratus dari jumlah pelajar juga menanda item 71 iaitu ‘ingin mengikuti

latihan-latihan atau kursus-kursus tertentu' dan 78.3 peratus dari pelajar menanda item 70 iaitu 'ingin mengetahui maklumat kerjaya dalam bidang-bidang tertentu'. Dapatkan ini menunjukkan bahawa di antara pelbagai masalah dalam bidang kerjaya, majoriti pelajar sekolah swasta menghadapi masalah dalam memperoleh maklumat kerjaya.

Ramai di antara mereka, iaitu 77.5 peratus dari jumlah pelajar tidak tahu merancang kerjaya masa hadapan mereka. Selain dari ini, masalah jangkaan kerjaya masa hadapan yang ditanda oleh pelajar ialah 'ragu-ragu sama ada boleh mendapat pekerjaan pilihan' dan 'ragu-ragu sama ada boleh melakukan kerja dengan baik' yang ditanda oleh 65.8 peratus dari jumlah pelajar masing-masing.

Apabila dianalisa secara terperinci, 8 daripada 15 item yang disenaraikan dalam soal selidik di bawah bidang kerjaya telah ditanda oleh lebih 50 peratus dari jumlah pelajar bagi setiap item. Manakala 7 item lain dalam bidang masalah ini ditanda oleh kurang dari 50 peratus pelajar. Dengan itu dapatlah dirumuskan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh pelajar sekolah swasta ialah masalah dalam bidang kerjaya.

4.1.1.2 Masalah Pelajaran dan Sekolah

Dari 90 item yang dikemukakan dalam soal selidik, 15 item terdiri dari masalah dalam bidang pelajaran dan sekolah. Item-item tersebut meliputi masalah kemudahan belajar, kebolehan belajar dan suasana belajar.

Jadual 3 : Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Bidang Pelajaran Dan Sekolah

No Item	Masalah	Peratus Pelajar Yang Menanda
57	Tidak tahu cara belajar yang berkesan	84.2
55	Tidak dapat melahirkan fikiran saya dengan tepat	80.8
53	Sukar memahami mata pelajaran tertentu	77.5
48	Suasana dalam kelas membosankan	65.0
54	Tidak nampak bagaimana mata pelajaran tertentu boleh memberikan kebaikan kepada saya	55.8
56	Takut bercakap dalam perbincangan dalam kelas	48.3
58	Bimbang terhadap peperiksaan	44.2
49	Guru-guru kurang berminat terhadap pelajar	39.2
46	Pencapaian di sekolah kurang memuaskan	30.0
60	Kegiatan ko-kurikulum di sekolah tidak diatur dengan baik	28.3
52	Buku-buku teks sukar difahami	20.8
50	Tidak faham pengajaran guru	15.0
51	Keluarga kurang memberi galakan dalam pelajaran / aktiviti sekolah	11.7
47	Selalu ponteng sekolah	6.7
59	Ingin berhenti sekolah	0
Purata Peratus Pelajar Yang Menanda Item		40.5

Masalah pelajaran dan sekolah menjadi masalah yang kedua paling kerap dihadapi oleh pelajar. Jadual 3 menunjukkan analisa yang lebih terperinci yang telah dilakukan untuk mengetahui item-item dalam bidang ini yang paling banyak ditanda oleh pelajar. Majoriti pelajar telah menandakan item-item yang berkaitan dengan kebolehan belajar sebagai masalah terpenting dalam bidang pelajaran. Item-item ini ialah item 57 iaitu 'tidak tahu cara belajar yang berkesan' yang ditanda oleh 84.2 peratus dari jumlah pelajar, item 55 iaitu 'tidak dapat melahirkan fikiran dengan tepat' yang ditanda oleh 80.8 peratus pelajar

dan item 53 iaitu 'sukar memahami mata pelajaran tertentu yang ditanda oleh 77.5 peratus dari jumlah pelajar.

Dari segi masalah yang berkaitan dengan suasana pembelajaran dan sekolah pula, item yang paling banyak ditandakan ialah item 48 iaitu 'suasana dalam kelas membosankan'. Sebanyak 65 peratus dari pelajar menandakan item ini. Item 54 iaitu 'tidak nampak bagaimana mata pelajaran tertentu boleh memberi kebaikan kepada diri' ditandakan oleh 55.8 peratus dari jumlah pelajar

Apabila diteliti secara terperinci, 5 daripada 15 item dalam bidang masalah pelajaran dan sekolah telah ditanda oleh lebih 50 peratus dari jumlah pelajar bagi setiap item, menjadikannya satu bidang penting di mana pelajar menghadapi banyak masalah. Manakala 10 item lain dalam bidang masalah ini hanya ditanda oleh kurang dari 50 peratus dari jumlah pelajar. Item 59, iaitu 'ingin berhenti sekolah' tidak ditanda langsung oleh mana-mana pelajar.

4.1.1.3 Masalah sosial, moral dan rakan sebaya.

Dari 90 item di dalam soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar, 15 item terdiri daripada masalah dalam bidang sosial, moral dan rakan sebaya. Item-item tersebut meliputi pengaruh rakan sebaya, kemahiran sosial dan juga kesedaran moral dan kendiri.

Jadual 4 : Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Bidang Sosial, Moral dan Rakan Sebaya

No Item	Masalah	Peratus Pelajar Yang Menanda
43	Keliru tentang apa yang betul dan salah	70.8
37	Merasa bahawa tidak ada seorang pun memahami saya	65.0
33	Bercakap atau bertindak tanpa berfikir	60.8
41	Suka mengikut ‘trend’ rakan-rakan	46.7
36	Jadi sasaran kritikan orang lain	42.5
31	Rasa rendah diri	39.2
34	Melukakan perasaan orang lain	34.2
42	Tidak mudah mendapat rakan baru	25.8
38	Mudah marah	24.2
39	Tidak mempunyai sekumpulan rakan tetap di sekolah	18.3
32	Terlalu mudah merasa malu	15.8
40	Selalu keluar dengan rakan-rakan	12.5
35	Segan dengan perbualan mengenai jantina	11.7
44	Terpengaruh untuk menipu	6.7
45	Ragu-ragu tentang kewujudan Tuhan	4.2
Purata Peratus Pelajar Yang Menanda		31.9

Jadual 4 menunjukkan peratus pelajar yang menandakan item-item dalam bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya. Secara purata sebanyak 31.9 peratus dari jumlah pelajar menanda item-item dalam bidang ini sebagai masalah mereka. Majoriti pelajar telah menanda item-item yang berkaitan dengan kesedaran moral dan kendiri sebagai masalah utama dalam bidang ini. Item yang paling banyak ditandakan ialah item 43 iaitu ‘keliru tentang apa yang betul dan salah’ yang ditanda oleh 70.8 peratus dari jumlah pelajar. Item 37, iaitu ‘merasa bahawa tidak ada seorang pun yang memahami saya’ ditanda oleh 65

peratus dari jumlah pelajar. Sebanyak 60.8 peratus dari jumlah pelajar pula menandakan item 33 iaitu ‘bercakap atau bertindak tanpa berfikir’ sebagai masalah mereka.

Dari segi masalah yang berkaitan dengan kemahiran sosial dan pengaruh rakan sebaya pula, peratus pelajar yang menanda item-item tersebut kurang dari 50 peratus. Ini menunjukkan bahawa pelajar kurang menghadapi masalah berkaitan kebolehan bersosial dan perhubungan dengan rakan sebaya.

Analisa yang terperinci menunjukkan bahawa 3 dari 15 item dalam bidang masalah ini telah ditanda sekurang-kurangnya oleh 50 peratus dari jumlah pelajar bagi setiap item. Manakala item lain dalam bidang ini ditanda oleh kurang dari 50 peratus dari jumlah pelajar. Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa masalah dalam bidang sosial, moral dan rakan sebaya merupakan jenis masalah yang ketiga paling kerap dihadapi oleh pelajar sekolah swasta.

4.1.1.4 Masalah Keluarga

Dari 90 item yang dikemukakan dalam soal selidik yang diedarkan kepada responden, 15 daripadanya terdiri daripada item yang menggambarkan masalah keluarga pelajar. Item-item tersebut meliputi perhubungan pelajar dengan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain.

Jadual 5 : Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Bidang Keluarga

No Item	Masalah	Peratus Pelajar Yang Menanda
27	Tidak dapat berbincang masalah tertentu dalam keluarga	59.2
21	Harapan ibu bapa pada saya terlalu tinggi	56.2
28	Menentang percakapan ibu bapa saya	45.0
22	Ibu bapa sentiasa menyebelahi abang / kakak / adik saya	40.0
23	Tidak sehaluan dengan abang / kakak / adik saya	38.3
24	Sentiasa dikritik oleh ibu bapa saya	20.0
20	Ibu bapa tidak mempercayai saya	14.2
25	Ibu bapa sentiasa bertelingkah	12.5
29	Memerlukan kasih sayang keluarga	6.7
26	Kawan-kawan saya jarang dibenarkan datang ke rumah	3.3
18	Ibu bapa telah bercerai	2.5
30	Inginkan latar belakang keluarga yang berlainan	0.8
19	Tidak tinggal bersama ibu bapa saya	0
16	Anak tunggal dalam keluarga	0
17	Ibu atau bapa meninggal dunia	0
Purata Peratus Pelajar Yang Menanda		19.9

Jadual 5 menunjukkan item-item dalam bidang masalah keluarga yang telah ditanda oleh pelajar. Secara purata , peratus pelajar yang menanda item-item dalam bidang ini sebagai masalah mereka ialah sebanyak 19.9 peratus. Item yang paling banyak ditanda oleh pelajar ialah item 22 iaitu 'tidak dapat berbincang masalah tertentu dalam keluarga' yang ditanda oleh 59.2 peratus dari mereka.. Sebanyak 56.2 peratus dari jumlah pelajar pula menanda item 21 iaitu 'harapan ibu bapa pada saya terlalu tinggi' sebagai masalah mereka.

Item-item lain yang berkaitan dengan masalah keluarga terutamanya berkenaan dengan hal-hal perhubungan dengan ibu bapa dan persekitaran keluarga hanya ditanda oleh kurang dari 50 peratus pelajar bagi setiap item. Item 16, 17 dan 19 tidak ditandakan langsung oleh pelajar. Ini menunjukkan bahawa item-item itu tidak menjadi masalah penting kepada pelajar.

Analisa secara terperinci mendedahkan bahawa hanya 2 dari 15 item yang disenaraikan di bawah aspek keluarga ditanda oleh sekurang-kurangnya 50 peratus dari jumlah pelajar bagi setiap item masalah. Dapatlah dirumuskan bahawa pelajar sekolah swasta ada juga menghadapi masalah keluarga terutama dari segi memenuhi harapan ibu bapa yang tinggi terhadap diri mereka .

4.1.1.5 Masalah Kewangan

Dari 90 item dalam soal selidik yang dikemukakan kepada responden, 15 item terdiri daripada masalah kewangan. Item-item tersebut meliputi masalah berkaitan kemudahan pembelajaran di rumah, perbelanjaan ke sekolah dan bayaran tambahan pelajaran.

Jadual 6 : Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Bidang Kewangan

No Item	Masalah	Peratus Pelajar Yang Menanda
87	Ingin membeli lebih banyak barang untuk diri sendiri	53.3
82	Sangat sedikit wang untuk hiburan	43.3
85	Ingin mendapat wang untuk diri sendiri	51.0
80	Tidak mempunyai wang belanja yang tetap	35.8
83	Perlu belajar menyimpan wang	17.5
86	Tidak mempunyai bilik sendiri	7.5
81	Sangat sedikit pakaian yang menarik	4.2
76	Ibu bapa terlalu kuat bekerja	2.5
89	Memerlukan kerja sambilan sekarang	2.5
78	Tidak mendapat kemudahan tertentu di rumah	2.5
88	Memerlukan wang untuk melanjutkan pelajaran selepas sekolah menengah	1.7
77	Keluarga bimbang tentang wang	0
90	Keluarga banyak berhutang	0
84	Tidak pergi ke kelas tuisyen kerana tidak cukup wang	0
79	Malu dengan keadaan rumah yang saya duduki	0
Purata Peratus Pelajar Yang Menanda		14.3

Jadual 6 menunjukkan bahawa secara purata peratus pelajar yang menanda item-item dalam bidang masalah kewangan ialah 14.3 peratus.. Sebanyak 53.3 peratus dari jumlah pelajar menanda item 87 iaitu 'ingin membeli lebih banyak barang untuk diri sendiri' menjadikannya item yang paling banyak ditanda dalam bidang masalah ini dan merupakan satu-satunya item yang ditanda oleh lebih 50 peratus jumlah responden.. Item-item lain dalam bidang ini ditanda oleh kurang dari 50 peratus pelajar.

Apabila diteliti secara terperinci didapati bahawa hanya 1 sahaja dari 15 item dalam bidang masalah ini yang ditanda oleh sekurang-kurangnya 50 peratus dari jumlah pelajar bagi setiap item. Empat item di bawah bidang ini iaitu item 79, ‘malu dengan rumah yang diduduki’ dan item 84 iaitu ‘tidak pergi ke kelas tuisyen kerana tidak cukup wang’, item 77 iaitu ‘keluarga bimbang tentang wang’ dan item 90 iaitu, ‘keluarga banyak berhutang’ tidak ditandakan langsung oleh mana-mana pelajar. Kesimpulan yang boleh dibuat ialah, pelajar sekolah swasta ada menghadapi masalah dalam bidang kewangan tetapi ianya dihadapi oleh sebilangan kecil dari jumlah pelajar sahaja.

4.1.1.6 Masalah Kesihatan dan Perkembangan Fizikal

Dari 90 item dalam soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar, 15 item terdiri dari masalah kesihatan dan perkembangan fizikal. Item-item tersebut mencakupi masalah berkaitan gangguan kesihatan, emosi dan persepsi diri.

Jadual 7 menunjukkan bahawa secara purata peratus pelajar yang menanda pelbagai item dalam bidang ini ialah sebanyak 10.3 peratus dari jumlah pelajar sahaja. Didapati juga bahawa tiada satu pun item dalam bidang masalah ini yang ditanda oleh lebih 50 peratus dari jumlah pelajar. Item yang paling banyak ditanda ialah item-item mengenai persepsi diri pelajar.

Item berkenaan gangguan emosi dan kesihatan ditanda oleh bilangan pelajar yang begitu kurang. Ada di antara item-item ini yang tidak ditanda langsung oleh pelajar, seperti item 3, 4, 8 dan 13. Ini menunjukkan bahawa pelajar sekolah swasta paling kurang menghadapi masalah dalam bidang ini.

Jadual 7 : Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Bidang Kesihatan dan Perkembangan Fizikal

No Item	Masalah	Peratus Pelajar Yang Menanda Item
9	Diri terlalu kurus / gemuk	44.2
15	Kurang popular	34.2
12	Perwatakan yang tidak menarik	26.7
11	Kulit yang tidak menarik	17.5
10	Diri terlalu pendek / tinggi	12.5
2	Cepat penat	7.5
1	Tidak cukup tidur	5.0
5	Tidak mendapat latihan gerak badan yang mencukupi	3.3
6	Selalu resah gelisah	2.5
14	Tidak berselera untuk makan	0.8
7	Merokok	0.8
3	Selalu pening kepala	0
8	Tidak mendapat makanan yang seimbang	0
4	Mudah mendapat penyakit	0
13	Rasa terganggu oleh kecacatan badan	0
Purata Peratus Pelajar Yang Menanda		10.3

Di antara keenam-enam bidang masalah yang disenaraikan dalam soal selidik, pelajar banyak menghadapi masalah dalam bidang kerjaya, diikuti dengan bidang pelajaran dan sekolah, bidang sosial, moral dan rakan sebaya dan masalah dalam bidang keluarga.

Mereka kurang menghadapi masalah dalam bidang kewangan serta paling kurang masalah dalam bidang kesihatan dan perkembangan fizikal.

4.1.2 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa pelajar sekolah swasta menghadapi pelbagai masalah. Jadual 8 menunjukkan susunan masalah penting yang dihadapi oleh pelajar dalam pelbagai bidang. Di antara 90 item masalah yang dikemukakan kepada mereka , hanya 19 dari item ini yang ditanda oleh lebih 50 peratus pelajar sebagai masalah penting mereka. Masalah berkaitan dengan jangkaan kerjaya di masa hadapan dan masalah pelajaran merupakan masalah yang paling penting . Selain dari itu pelajar juga menghadapi masalah dari segi sosial dan keluarga. Namun begitu pelajar sekolah swasta kurang menghadapi masalah berkaitan kewangan dan kesihatan. Secara purata cuma satu atau dua item dari bidang-bidang ini yang ditanda oleh lebih 50 peratus dari jumlah pelajar.

Jadual 8 menunjukkan bahawa masalah yang paling banyak dihadapi oleh pelajar sekolah swasta ialah kekurangan pengetahuan yang mendalam mengenai pelbagai pekerjaan, di mana 93.3 peratus dari jumlah pelajar menandakan item ini sebagai masalah mereka. Masalah kedua paling banyak dihadapi oleh pelajar ialah keinginan mengikuti latihan-latihan atau kursus-kursus tertentu, iaitu oleh 87.5 peratus dari jumlah pelajar. Item 57 iaitu ‘ tidak tahu cara belajar yang berkesan ‘ yang ditandakan oleh 84.2 peratus dari jumlah pelajar menjadi masalah ketiga paling banyak dihadapi oleh pelajar. Masalah ini diikuti pula oleh masalah kesukaran melahirkan fikiran dengan tepat, di mana 80.8 peratus dari jumlah pelajar menandakannya sebagai masalah mereka. Masalah kelima paling banyak dihadapi oleh pelajar ialah keinginan untuk mengetahui maklumat kerjaya

dalam bidang-bidang tertentu. Sebanyak 78.3 peratus dari jumlah pelajar menyatakan ini sebagai masalah mereka. Masalah ini diikuti pula oleh masalah tidak tahu merancang kerjaya di masa hadapan dan masalah kesukaran memahami mata pelajaran tertentu, yang masing-masing dikenalpasti oleh 77.5 peratus dari jumlah pelajar. Sebanyak 70.8 peratus dari jumlah pelajar menandakan item 74 iaitu ‘ingin belajar mengenai pelajaran tertentu dari awal sebagai persediaan kerjaya di masa hadapan tetapi mata pelajaran tersebut tidak ada’ sebagai masalah mereka, menjadikannya sebagai masalah kelapan paling banyak dihadapi. Masalah ini diikuti pula oleh masalah keliru tentang apa yang betul dan salah yang dihadapi oleh 70.8 peratus dari jumlah pelajar. Seperatusan besar, iaitu sebanyak 65.8 peratus dari jumlah pelajar juga sering meragui kebolehan mereka mendapatkan pekerjaan pilihan mereka dan menjalankan kerja dengan baik. Selain dari itu, pelajar juga sering merasa bahawa tiada seorang pun yang memahami mereka. Sebanyak 60.8 peratus dari jumlah pelajar mengalami masalah ini. Masalah lain yang dihadapi oleh pelajar ialah kesukaran membincangkan masalah tertentu dalam keluarga mereka, di mana sebanyak 59.2 peratus dari mereka berhadapan dengan masalah ini. Selain dari itu 57.3 peratus dari jumlah pelajar juga menghadapi masalah tidak tahu kerjaya yang sesuai dengan diri mereka. Pelajar juga merasakan bahawa harapan ibu bapa pada mereka terlalu tinggi dan perkara ini dikenalpasti sebagai masalah oleh 56.2 peratus dari jumlah pelajar ini. Sebanyak 55.8 peratus dari jumlah pelajar juga tidak nampak bagaimana mata pelajaran tertentu boleh memberikan kebaikan kepada mereka. Akhir sekali, pelajar juga menghadapi masalah dari segi kewangan iaitu keinginan untuk membeli lebih banyak barang untuk diri sendiri. Sebanyak 53.3 peratus dari jumlah pelajar mengenalpasti

perkara ini sebagai masalah mereka. Item-item lain dalam soal selidik hanya ditandakan oleh kurang dari 50 peratus dari jumlah pelajar sebagai masalah mereka.

Jadual 8 : Masalah Utama Pelajar

Bil. Item	Masalah	Peratus Responden Yang Menanda
1	Memerlukan pengetahuan yang lebih mendalam terhadap pelbagai pekerjaan	93.3
2	Ingin mengikuti latihan-latihan atau kursus-kursus tertentu	87.5
~3	Tidak tahu cara belajar yang berkesan	84.2
~4	Tidak dapat melahirkan fikiran saya dengan tepat	80.8
5	Ingin mengetahui maklumat kerjaya dalam bidang-bidang tertentu	78.3
6	Tidak tahu merancang kerjaya masa hadapan	77.5
~7	Sukar memahami mata pelajaran tertentu	77.5
8	Ingin belajar mengenai pelajaran tertentu dari awal sebagai persediaan kerjaya di masa hadapan tetapi mata pelajaran tersebut tidak ada	70.8
9	Keliru tentang apa yang betul dan salah	70.8
10	Ragu-ragu sama ada boleh mendapat pekerjaan	65.8
11	pilihan saya Ragu-ragu sama ada saya berkebolehan menjalankan kerja dengan baik	65.8
12	Suasana dalam kelas membosankan	65
~13	Merasa bahawa tiada seorang pun yang memahami saya	65
14	Bercakap atau bertindak tanpa berfikir	60.8
15	Tidak dapat berbincang masalah tertentu dalam keluarga	59.2
16	Tidak tahu kerjaya yang sesuai dengan diri saya	57.3
17	Harapan ibu bapa pada saya terlalu tinggi	56.2
18	Tidak nampak bagaimana mata pelajaran tertentu boleh memberikan kebaikan kepada saya	55.8
19	Ingin membeli lebih banyak barang untuk diri sendiri	53.3

4.2 Perbandingan Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Lelaki Dan Pelajar

Perempuan

Tujuan utama membandingkan masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan perempuan ialah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan masalah yang dihadapi di antara dua kumpulan pelajar ini.

Dari respons yang diberikan oleh seramai 60 orang pelajar lelaki dan 60 orang pelajar perempuan, min bilangan item yang ditanda oleh pelajar dalam setiap bidang dan purata peratus pelajar yang menanda item dalam setiap bidang masalah ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9 : Min Bilangan Item Yang Ditanda Oleh Pelajar Lelaki Dan Perempuan Bagi Setiap Bidang Dan Purata Peratus Pelajar Lelaki Dan Perempuan Yang Menanda Item Dalam Setiap Bidang

Bidang Masalah	Lelaki		Perempuan	
	Min Bilangan Item Yang Ditanda Dalam Setiap Bidang	Purata Peratus Pelajar Yang Menanda Item Dalam Setiap Bidang	Min Bilangan Item Yang Ditanda Dalam Setiap Bidang	Purata Peratus Pelajar Yang Menanda Item Dalam Setiap Bidang
Kerjaya	7.1	47.1	7.4	50
Pelajaran dan Sekolah	6.7	44.4	5.5	36.6
Sosial, Moral dan Rakan Sebaya	4.9	32.6	4.5	30.1
Keluarga	3.2	21.1	2.8	18.7
Kewangan	1.9	12.9	2.3	15.4
Kesihatan dan Perkembangan Fizikal	1.1	9.6	2.0	13.1

Jadual 9 menunjukkan bahawa bidang masalah paling utama bagi pelajar lelaki ialah dalam bidang kerjaya. Secara purata, peratus pelajar lelaki yang menanda item-item dalam bidang masalah ini ialah sebanyak 47.1 peratus. Respons dari pelajar lelaki juga menunjukkan bahawa, masalah dalam bidang pelajaran dan sekolah merupakan bidang masalah kedua penting bagi mereka. Purata pelajar lelaki yang menanda item-item dalam bidang masalah ini ialah sebanyak 44.4 peratus. Ini diikuti pula oleh masalah dalam bidang sosial, moral dan rakan sebaya. Secara purata sebanyak 32.6 peratus dari jumlah pelajar lelaki menanda item-item dalam bidang ini. Seterusnya, bidang masalah keempat penting bagi pelajar lelaki ialah masalah keluarga, di mana purata peratus pelajar yang menanda item-item dalam bidang ini ialah 21.1 peratus dari jumlah pelajar lelaki. Respons pelajar lelaki juga menunjukkan bahawa mereka kurang menghadapi masalah dalam bidang kewangan serta dalam bidang kesihatan dan perkembangan fizikal. Secara purata hanya sebanyak 12.9 peratus dari jumlah pelajar lelaki yang menghadapi masalah kewangan. Manakala hanya 9.6 peratus dari jumlah pelajar lelaki ini yang mengidentifikasi masalah kesihatan dan perkembangan fizikal sebagai masalah mereka.

Jadual 9 menunjukkan bahawa seperti pelajar lelaki, pelajar perempuan juga menghadapi paling banyak masalah dalam bidang kerjaya. Secara purata sebanyak 50 peratus dari jumlah pelajar perempuan menanda item-item dalam bidang ini sebagai masalah utama mereka. Bidang masalah kedua penting bagi pelajar perempuan ialah masalah pelajaran dan sekolah, di mana secara purata sebanyak 36.6 peratus dari jumlah pelajar ini mengidentifikasi masalah dalam bidang ini sebagai masalah utama mereka. Ini

diikuti pula oleh masalah dalam bidang sosial, moral dan rakan sebaya . Secara purata peratus pelajar perempuan yang menghadapi masalah ini ialah sebanyak 30.1 peratus dari jumlah mereka. Respons dari pelajar perempuan juga menunjukkan bahawa mereka kurang menghadapi masalah dalam bidang-bidang lain iaitu bidang keluarga, bidang kewangan dan SES serta bidang kesihatan dan perkembangan fizikal. Secara purata hanya 18.7 peratus dari jumlah pelajar perempuan yang menandakan item-item dalam bidang masalah keluarga. Bagi masalah kewangan pula, hanya sebanyak 15.4 peratus dari pelajar perempuan mengenalpasti item-item dalam bidang ini sebagai masalah mereka. Masalah kesihatan dan perkembangan fizikal merupakan masalah yang paling kurang dihadapi oleh pelajar perempuan. Secara purata hanya 13.1 peratus dari mereka yang mengidentifikasi bidang masalah ini sebagai masalah mereka

Dapatlah dirumuskan bahawa, secara amnya, bidang masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai urutan kepentingan yang sama, iaitu masalah kerjaya sebagai bidang masalah paling utama, diikuti pula oleh bidang masalah pelajaran dan sekolah, bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya, bidang masalah keluarga, bidang masalah kewangan dan akhir sekali ialah bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal.

4.2.1 Perbezaan Masalah Yang Dihadapi Di Antara Pelajar Lelaki dan Pelajar

Perempuan

Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan perempuan , ujian t (t test) telah digunakan. Keputusan ujian t untuk menentukan perbezaan antara dua min dari dua sampel pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah ditunjukkan dalam Jadual 10 .

**Jadual 10 : Ujian t Untuk Menentukan Perbezaan Di Antara
Masalah Pelajar Lelaki Dan Perempuan.**

Bidang Masalah	Lelaki		Perempuan		Nilai t
	Min Bilangan Item Yang Ditanda Oleh Pelajar	Sisihan Lazim	Min Bilangan Item Yang Ditanda Oleh Pelajar	sisisian lazim	
Kerjaya	7.1	1.97	7.4	1.90	-0.857
Pelajaran Dan Sekolah	6.7	2.52	5.5	2.73	2.553*
Sosial, Moral Dan Rakan Sebaya	4.9	2.74	4.5	2.71	0.186
Keluarga	3.2	3.14	2.8	3.0	0.727
Kewangan	1.9	2.48	2.3	2.12	-0.976
Kesihatan Dan Perkembangan Fizikal	1.1	3.21	2.0	3.40	-1.500

* Signifikan pada tahap $\alpha < .05$

Berdasarkan kepada hasil ujian t di atas bagi enam bidang masalah yang diuji, rumusan berikut dapat dibuat:

Jadual 10 menunjukkan bahawa min bilangan item yang ditanda oleh pelajar lelaki dalam bidang kerjaya ialah 7.1 dengan sisihan lazim 1.97, manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar perempuan dalam bidang kerjaya ialah 7.4 dengan sisihan lazim 1.90. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di bidang kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan didapati bahawa nilai t yang diperolehi iaitu -0.857 tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha = .05$. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah kerjaya yang dihadapi di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 10 juga menunjukkan bahawa min bilangan item yang ditanda oleh pelajar lelaki dalam bidang masalah pelajaran dan sekolah ialah 6.7 dengan sisihan lazim 2.52, manakala min bilangan item yang ditanda oleh pelajar perempuan dalam bidang masalah pelajaran dan sekolah ialah 5.5 dengan sisihan lazim 2.73. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di bidang pelajaran dan sekolah di antara kedua kumpulan pelajar ini, didapati bahawa nilai t yang diperolehi ialah 2.553. Pada tahap $\alpha = .05$, nilai ini menunjukkan perbezaan yang signifikan. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah pelajaran dan sekolah yang dihadapi di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 10 menunjukkan bahawa min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar lelaki dalam bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya ialah 4.9 dengan sisihan lazim 2.74. Manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar perempuan dalam bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya ialah 4.5 dengan sisihan lazim 2.71. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di bidang sosial, moral dan rakan sebaya di antara pelajar lelaki dan perempuan , didapati bahawa nilai t yang diperolehi iaitu, 0.816, tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha < .05$. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya yang dihadapi di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Merujuk kepada Jadual 10, min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar lelaki dalam bidang masalah keluarga ialah 3.2 dengan sisihan lazim 3.14, manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar perempuan dalam bidang masalah yang sama ialah 2.8 dengan sisihan lazim 3.0. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di bidang keluarga antara pelajar lelaki dan perempuan, didapati bahawa nilai t yang diperolehi ialah 0.727. Pada tahap $\alpha < .05$, nilai ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah keluarga di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 10 menunjukkan bahawa min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar lelaki dalam bidang masalah kewangan ialah 1.9 dengan sisihan lazim 2.48, manakala min bagi

bilangan item yang ditanda oleh pelajar perempuan dalam bidang masalah kewangan ialah 2.3 dengan sisihan lazim 2.12. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah dalam bidang kewangan di antara pelajar lelaki dan perempuan , didapati bahawa nilai t yang diperolehi iaitu -0.976 , tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha = .05$. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah kewangan di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 10 juga menunjukkan bahawa min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar lelaki dalam bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal ialah 1.1 dengan sisihan lazim 3.21, manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar perempuan dalam bidang ini ialah 2.0 dengan sisihan lazim 3.40. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di bidang kesihatan dan perkembangan fizikal di antara kedua kumpulan pelajar ini, didapati bahawa nilai t yang diperolehi ialah -1.500 . Nilai ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha = .05$. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal di antara pelajar lelaki dan perempuan .

Sebagai rumusannya bolehlah dikatakan bahawa perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan hanya boleh dilihat dalam bidang masalah pelajaran dan sekolah. Secara purata sebanyak 44.4 peratus dari jumlah pelajar lelaki mendapati item-item dalam bidang ini sebagai masalah mereka. Manakala hanya 36.6 peratus dari jumlah pelajar perempuan yang mengenalpasti bidang masalah ini sebagai masalah mereka.

4.3 Perbandingan Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Tingkatan Lima dan Tingakatan Tiga.

Tujuan utama membandingkan masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan lima dan pelajar tingkatan tiga ialah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan masalah yang dihadapi di antara dua kumpulan pelajar ini.

Dari respons yang diberikan oleh seramai 60 orang pelajar tingkatan lima dan 60 orang pelajar tingkatan tiga, frenkuensi respons, min, sisihan lazim dan peratus item yang ditanda untuk enam bidang masalah ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11 : Min Bilangan Item Yang Ditanda Oleh Pelajar Tingkatan Lima Dan Tiga Bagi Setiap Bidang Dan Purata Peratus Pelajar Tingkatan Lima Dan Tiga Yang Menanda Item Dalam Setiap Bidang

Bidang Masalah	Tingkatan Lima		Tingkatan Tiga	
	Min Bilangan Item Yang Ditanda Dalam Setiap Bidang	Purata Peratus Pelajar Yang Menanda Item Dalam Setiap Bidang	Min Bilangan Item Yang Ditanda Dalam Setiap Bidang	Purata Peratus Pelajar Yang Menanda Item Dalam Setiap Bidang
Kerjaya	8.2	54.6	6.3	42.0
Pelajaran dan Sekolah	5.7	37.7	6.5	43.3
Sosial, Moral dan Rakan Sebaya	4.9	32.6	4.7	31.0
Keluarga	3.1	21.2	2.8	18.6
Kewangan	2.3	15.1	2.0	13.2
Kesihatan dan Perkembangan Fizikal	1.8	12	1.3	8.7

Jadual 11 menunjukkan bahawa bidang masalah paling utama bagi pelajar tingkatan lima ialah dalam bidang kerjaya. Secara purata, peratus pelajar tingkatan lima yang menanda item-item dalam bidang masalah ini ialah sebanyak 54.6 peratus dari jumlah mereka. Respons dari pelajar tingkatan lima ini juga menunjukkan bahawa, masalah dalam bidang pelajaran dan sekolah merupakan bidang masalah kedua penting bagi mereka. Purata pelajar yang menanda item-item dalam bidang masalah ini ialah sebanyak 37.7 peratus. Ini diikuti pula oleh masalah dalam bidang sosial, moral dan rakan sebaya. Secara purata sebanyak 32.6 peratus dari jumlah pelajar tingkatan lima menanda item-item dalam bidang ini. Seterusnya bidang masalah keempat penting bagi pelajar tingkatan lima ialah masalah keluarga, di mana purata peratus pelajar yang menanda item-item dalam bidang ini ialah 21.2 peratus dari jumlah pelajar ini.. Respons pelajar tingkatan lima juga menunjukkan bahawa mereka kurang menghadapi masalah dalam bidang kewangan serta dalam bidang kesihatan dan perkembangan fizikal. Secara purata hanya sebanyak 15.1 peratus dari jumlah pelajar tingkatan lima yang menghadapi masalah kewangan. Manakala hanya 12 peratus dari jumlah pelajar ini yang mengenalpasti masalah kesihatan dan perkembangan fizikal sebagai masalah mereka.

Jadual 11 juga menunjukkan bahawa berlainan dari pelajar tingkatan lima, pelajar tingkatan tiga lebih banyak menghadapi masalah dalam bidang pelajaran dan sekolah menjadikannya masalah utama pelajar tingkatan tiga. Secara purata sebanyak 43.3 peratus dari jumlah pelajar ini yang menanda item-item dalam bidang ini sebagai masalah utama mereka. Bidang masalah kedua penting bagi pelajar tingkatan tiga ialah masalah kerjaya, di mana secara purata sebanyak 42 peratus dari jumlah pelajar ini

mengidentifikasi masalah dalam bidang ini sebagai masalah mereka. Ini diikuti pula oleh masalah dalam bidang sosial, moral dan rakan sebaya . Secara purata, peratus pelajar tingkatan tiga yang menghadapi masalah ini ialah sebanyak 31 peratus dari jumlah mereka. Respons dari pelajar tingkatan tiga juga menunjukkan bahawa mereka kurang menghadapi masalah dalam bidang-bidang lain iaitu bidang keluarga, bidang kewangan serta bidang kesihatan dan perkembangan fizikal. Secara purata hanya 18.6 peratus dari jumlah pelajar tingkatan tiga yang menandakan item-item dalam bidang masalah keluarga. Bagi masalah kewangan pula, hanya sebanyak 13.2 peratus dari jumlah pelajar tingkatan tiga yang mengenalpasti item-item dalam bidang ini sebagai masalah mereka. Masalah kesihatan dan perkembangan fizikal merupakan masalah paling kurang dihadapi oleh pelajar perempuan. Secara purata hanya 8.7 peratus dari mereka yang mengidentifikasikan item-item dalam bidang masalah ini sebagai masalah mereka.

Merujuk kepada dapatan di atas , dapatlah dirumuskan bahawa bidang masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan lima mengikut urutan kepentingan ialah masalah kerjaya sebagai bidang masalah paling utama, diikuti pula oleh bidang masalah pelajaran dan sekolah, bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya, bidang masalah keluarga, bidang masalah kewangan dan akhir sekali ialah bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal. Bidang masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan tiga mengikut urutan kepentingan ialah masalah pelajaran dan sekolah sebagai bidang masalah utama, diikuti oleh masalah dalam bidang kerjaya, bidang sosial, moral dan rakan sebaya, bidang masalah keluarga, bidang masalah kewangan dan akhir sekali bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal.

4.3.1 Perbezaan Masalah Yang Dihadapi Di Antara Pelajar Tingkatan Lima dan Pelajar Tingkatan Tiga.

Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga, ujian t (t test) telah digunakan.

Keputusan ujian t untuk menentukan perbezaan antara dua min dari dua sampel pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga adalah ditunjukkan dalam Jadual 12.

Jadual 12 : Ujian t Untuk Menentukan Perbezaan Di Antara Masalah Pelajar Tingkatan Lima Dan Tingkatan Tiga.

Bidang Masalah	Tingkatan Lima		Tingkatan Tiga		Nilai t
	Min	Sisihan Lazim	Min	Sisihan Lazim	
Kerjaya	8.2	1.93	6.3	1.78	5.758*
Pelajaran Dan Sekolah	5.7	2.01	6.5	2.14	2.162*
Sosial, Moral Dan Rakan Sebaya	4.9	2.53	4.7	2.42	0.444
Keluarga	3.1	2.47	2.8	2.73	0.638
Kewangan	2.3	2.01	2.0	2.32	0.769
Kesihatan Dan Perkembangan Fizikal	1.8	1.78	1.3	1.85	1.515

* Signifikan pada tahap $\alpha < .05$

Berdasarkan kepada hasil ujian t di atas bagi enam bidang masalah yang diuji, rumusan berikut dapat dibuat :

Jadual 12 menunjukkan bahawa min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan lima dalam bidang kerjaya ialah 8.2 dengan sisihan lazim 1.93, manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan tiga dalam bidang masalah kerjaya pula ialah 6.3 dengan sisihan lazim 1.78. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di bidang kerjaya antara pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga, didapati bahawa nilai t yang diperolehi iaitu 5.758 menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha = .05$. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah kerjaya yang dihadapi di antara pelajar tingkatan lima dan pelajar tingkatan tiga.

Jadual 12 juga menunjukkan bahawa min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan lima dalam bidang pelajaran dan sekolah ialah 5.7 dengan sisihan lazim 2.01, manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan tiga dalam bidang masalah ini ialah 6.5 dengan sisihan lazim 2.14. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di bidang pelajaran dan sekolah antara pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga, didapati bahawa nilai t yang diperolehi iaitu 2.162 menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha = .05$. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah pelajaran dan sekolah yang dihadapi di antara pelajar tingkatan lima dan pelajar tingkatan tiga.

Merujuk kepada Jadual 12, min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan lima dalam bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya ialah 4.9 dengan sisihan lazim 2.53, manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan tiga dalam bidang masalah ini pula ialah 4.7 dengan sisihan lazim 2.42. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di bidang sosial, moral dan rakan sebaya antara pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga, didapati bahawa nilai t yang diperolehi iaitu 0.444, tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha = .05$. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya yang dihadapi di antara pelajar tingkatan lima dan pelajar tingkatan tiga.

Merujuk kepada Jadual 12, min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan lima dalam bidang masalah keluarga ialah 3.1 dengan sisihan lazim 2.47, manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan tiga dalam bidang masalah ini pula ialah 2.8 dengan sisihan lazim 2.73. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah dalam bidang keluarga di antara pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga, didapati bahawa nilai t yang diperolehi ialah 0.638. Nilai ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha = .05$. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya yang dihadapi di antara pelajar tingkatan lima dan pelajar tingkatan tiga.

Jadual 12 juga menunjukkan bahawa, min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan lima dalam bidang masalah kewangan ialah 2.3 dengan sisihan lazim 2.01, manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan tiga dalam

bidang masalah kewangan pula ialah 2.0 dengan sisihan lazim 2.32. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah dalam bidang kewangan di antara pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga, didapati bahawa nilai t yang diperolehi ialah 0.769. Nilai ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha = .05$. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah kewangan di antara pelajar tingkatan lima dan pelajar tingkatan tiga.

Merujuk kepada Jadual 12, min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan lima dalam bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal ialah 1.8 dengan sisihan lazim 1.78, manakala min bagi bilangan item yang ditanda oleh pelajar tingkatan tiga dalam bidang masalah ini pula ialah 1.3 dengan sisihan lazim 1.85. Apabila ujian t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan masalah di bidang kesihatan dan perkembangan fizikal di antara pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga, didapati bahawa nilai t yang diperolehi, iaitu 1.515, tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada tahap $\alpha = .05$. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal di antara pelajar tingkatan lima dan pelajar tingkatan tiga.